

Elak maksiat

SELAIN mengelak perbuatan maksiat, Lukmanul Hakim berkata, nikah *khitbah* itu boleh merapatkan hubungan antara keluarga pasangan, mengelakkan wujud perebutan pasangan dan memberi motivasi kepada pasangan untuk bekerja atau belajar bersungguh-sungguh.

"Malah, nikah jenis ini turut memberi peluang kepada pasangan, khususnya pihak lelaki yang tidak berkemampuan untuk berkahwin," katanya.

Namun begitu, amalan nikah *khitbah* tidak popular di Malaysia, sedangkan di negara-negara Arab, ia sudah menjadi amalan sejak zaman Rasulullah lagi.

Contohnya, Rasulullah menikahi Aisyah rha pada usia enam tahun tetapi baginda hanya mula tinggal bersama dengan Aisyah ketika umurnya mencecah sembilan tahun.

"Jadi, dalam tempoh tiga tahun itu, baginda SAW tidak memberi sebarang nafkah kepada Aisyah tetapi sebaliknya, ia ditanggung sepenuhnya oleh bapa Aisyah iaitu Abu Bakar Al Siddik.



LUKMANUL HAKIM HANAFI

"Ini bermakna, apa yang dilakukan oleh Rasulullah SAW itu seolah-olah baginda mahu memberitahu kepada umatnya bahawa akan berlaku maksiat dalam kalangan muda-mudi di masa depan dan untuk mengelakkannya, maka bernikahlah dengan cara itu," katanya.

Tambah Lukmanul Hakim, kesukaran dalam mempraktikkan nikah ini sebenarnya disebabkan sikap ibu bapa dan masyarakat yang lebih gemar menggunakan 'jalan jauh' dalam mengurus soal nikah kahwin anak masing-masing. Makna, kedua-dua pihak terpaksa melalui proses merisik, bertunang dan barulah boleh bernikah, sedangkan di dalam Islam aspek berkaitan kenduri boleh dikemudiankan. Yang lebih penting, membina ikatan yang sah terlebih dahulu.

Malah, tambahnya, ada juga yang sanggup mengutamakan nikah anak-anak mereka dengan pelbagai alasan yang tidak ada kena mengena dengan ajaran agama Islam.

"Masyarakat kita bukan hanya disebabkan halangan adat resam dalam urusan nikah kahwin, tetapi sering kali melahirkan rasa bimbang tentang masa depan anak-anak mereka jika bernikah semasa belajar.

"Halangan sedemikian akan menjurus kepada maksiat atau lebih teruk lagi, anak-anak mereka mengambil keputusan untuk bernikah di Thailand tanpa pengetahuan ibu bapa," katanya.

Nikah *khitbah* sarat hikmah

Dalam situasi kebejatan moral remaja Islam yang semakin serius, nikah *khitbah* dilihat sebagai solusi terbaik

Oleh HASHNAN ABDULLAH

SETIAP manusia mahu mencintai atau dicintai kerana ia adalah fitrah kejadian manusia yang diciptakan oleh Allah SWT. Dengan kata lain, jiwa manusia memerlukan cinta, seperti mana jasad perlukan makanan dan minuman.

Namun Allah SWT tidak menciptakan rasa cinta itu secara membabi-but. Dia turut mencipta peraturan cinta demi menjaga maruah pasangan dan nilai cinta itu sendiri.

Ini kerana, Allah SWT inginkan keselamatan dan kesejahteraan buat manusia dalam melaksanakan keinginan fitrah semula jadi itu kerana keinginan tanpa peraturan akan menyebabkan banyak kemusnahan, sama ada di dunia atau di akhirat.

Tetapi persoalannya, sejauh manakah pasangan yang bercinta itu mampu bertahan. Godaan 'orang ketiga' iaitu syaitan ke arah zina itu sudah pasti akan bertambah kuat kerana itulah janji syaitan kepada Allah SWT.

Baginda Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud: "Jangan sekali-kali seorang laki-laki menyendiri dengan perempuan yang tidak halal baginya, kerana ketiganya adalah syaitan."

Malah, sejarah manusia sehingga kini membuktikan godaan 'orang ketiga' itu jarang sekali tewas di tengah jalan. Makhluk ini tidak pernah gagal dalam misi mereka menyesatkan anak Adam.

Godaan sedemikian telah menjadikan masalah gejala sosial hari ini tidak menunjukkan tanda-tanda pengurangan, tetapi kini telah mencapai tahap membimbangkan.

Trend pembuangan bayi di Malaysia seperti menjadi sumpahan apabila tabiat kejam dan tidak berperikemanusiaan ini semakin popular dalam kalangan remaja, termasuk pelajar universiti.

"Lelaki dan perempuan yang bercinta itu memang mahu merasakan kenikmatan syurga dunia itu tetapi dengan pasangan yang mereka sayangi atau cintai.

"Walaupun Islam ada caranya tetapi disebabkan halangan adat resam dan juga pemikiran cetek ibu bapa, menyebabkan pasangan itu memilih cara haram, termasuk bernikah di Thailand," kata penerang Pengurusan Tabung Haji, Haji dan Umrah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Lukmanul Hakim Hanafi, baru-baru ini.

Salah satu cadangan sesuai dengan suasana cabaran dan sikap masyarakat



NIKAH *khitbah* hanya perlu majlis nikah sahaja. - Gambar hiasan



ISLAM tidak melarang umatnya menyertai aktiviti lasak tetapi perlu ada batasan syariat. - Gambar hiasan

hari ini yang lebih terbuka berbanding era sebelum 70-an adalah melaksanakan nikah *khitbah* atau dalam masyarakat Melayu-Islam di negara ini memanggilnya sebagai nikah gantung.

Cadangan itu sesuai kerana secara hakikatnya, ibu bapa hari ini sukar untuk mengawal tingkah laku serta pergerakan anak remaja, termasuklah yang bergelut pelajar, walaupun mereka dibekalkan dengan didikan agama yang kuat.

Sejajar dengan firman Allah SWT yang bermaksud: *Kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) daripada kalangan kamu dan orang-orang yang soleh daripada hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka daripada limpah kurnia-Nya kerana Allah SWT Maha Luas Rahmat dan kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui.*

Apa itu nikah *khitbah*?

- Nikah *khitbah* sama dengan nikah gantung atau nikah dalam pertunangan.
- Nikah ini menyebabkan tidak dapat duduk bersama (tidak boleh bersetubuh), nafkah zahir (isteri) pun tergantung dan begitu juga majlis kenduri kahwinnya.
- Boleh elak maksiat dan dosa, sama ada kepada pasangan bercinta dan juga ibu bapa masing-masing.
- Boleh merapatkan hubungan kekeluargaan pasangan.
- Mengelak daripada berlakunya pergaduhan atau permusuhan di sebalah lelaki atau perempuan.
- Memberi motivasi kepada pasangan untuk tingkatan prestasi akademik atau pekerjaan.



ADAT... Tidak perlu diutamakan dalam nikah *khitbah*.

Halalkan hubungan, bina kematangan

ISTILAH Nikah *khitbah* atau nikah gantung bukan sesuatu yang baharu di negara ini. Malah, masyarakat Islam di negara ini menyedari bahawa kebanyakannya lebih banyak daripada keburukan.

Ini kerana nikah tersebut adalah untuk menghalalkan perhubungan dan juga membina kematangan di kalangan anak muda yang sedang hangat bercinta. Tidak kiralah sama ada di kalangan pelajar universiti atau mereka yang sedang bekerja.

Ternyata kaedah itu sesuai sebagai satu alternatif buat anak muda zaman sekarang yang ingin mendirikan rumah tangga tetapi tidak memiliki kemampuan daripada segi material dan rohani.

Bagaimanapun, disebabkan halangan adat resam dan tiada keinginan untuk mempraktikkan amalan itu ke atas anak-anak sendiri yang sedang bercinta, maka nikah itu sekadar menjadi sebutan di mulut atau dalam ceramah agama sahaja.

Seorang pakar munakahat Islam dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Lukmanul Hakim Hanafi tidak menafikan kekangan tersebut kerana majoriti orang Melayu-Islam masih melihat nikah itu mampu mengundang pandangan negatif daripada kalangan jiran tetangga, rakan taulan dan saudara mara.

Ini kerana, beliau menambah, majoriti masyarakat Melayu-Islam beranggapan bahawa urusan nikah kahwin perlu diakhiri dengan majlis persandingan dan kenduri, sedangkan perkara itu tidak ada dalam nikah *khitbah*.

"Namun bagi saya adalah lebih memalukan jika anak kita yang sedang hangat bercinta telah terlanjur atau bernikah di Thailand," kata penerang Pengurusan Tabung Haji, Haji dan Umrah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, USIM ketika ditemui baru-baru ini.

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Dan janganlah kamu menghampiri zina...* (al-Israk: 32) serta Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud: "Tidak ditemukan jalan lain bagi dua orang yang saling mencintai selain menikah." (riwayat Ibnu Majah)

Info

Golongan sesuai

Serentak dengan itu, Lukmanul Hakim menggariskan tiga golongan yang sesuai mengamalkan nikah *khitbah*, iaitu pelajar universiti, mereka yang baharu bekerja dan pasangan yang tidak mendapat restu keluarga atas sebab tertentu.

Beliau berkata, saranan tersebut perlu memandangkan tiga golongan itu berpotensi menyumbang kepada peningkatan kes pembuangan bayi, zina dan nikah di luar Malaysia pada masa depan.

"Trend pembuangan bayi dan juga kegiatan 'sugar daddy' kini sudah merebak kepada pelajar universiti. Tidak kiralah sama ada universiti itu ada nama Islam atau tidak.

"Kalau ditanya kepada pelajar

universiti, majoriti daripada mereka amat menyokong nikah *khitbah* kerana boleh elak dosa tetapi mereka sedar ibu bapa mereka masih berpegang kepada adat resam nikah kahwin," katanya.

Beliau berkata, kalangan mereka yang baharu bekerja atau masih bergaji rendah pula berpeluang untuk mengumpul dana yang secukupnya untuk mengadakan majlis bersanding dan kenduri.

"Saya percaya pasangan muda-mudi yang baharu bekerja sudah pasti dalam dilema untuk berkahwin kerana kos yang perlu ditanggung adalah cukup tinggi.

"Tetapi dengan amalan nikah itu, tekanan untuk mengadakan majlis bersanding atau kenduri tidaklah sebesar jika mereka bertunang," katanya.

Lukmanul Hakim berkata, satu lagi golongan yang sesuai adalah pasangan yang tidak mendapat restu daripada ibu atau bapa masing-masing.

"Mereka ini amat berpotensi untuk kahwin lari tetapi apabila sudah bernikah *khitbah*, mereka mempunyai peluang yang luas untuk pujuk ibu atau bapa masing-masing kerana mereka sudah menjadi sebahagian daripada keluarga," katanya.

Begitu pun, Lukmanul Hakim berkata, pihak kerajaan sepatutnya berada di barisan hadapan dalam mempromosikan amalan nikah *khitbah* di negara ini bagi menanam rasa keyakinan dalam kalangan ibu bapa.

Beliau berkata, usaha itu perlu memandangkan sehingga kini promosi amalan tersebut hanya dilakukan oleh para pendakwah, sama ada melalui ceramah atau medium alam maya.

"Saya pasti sikap ibu bapa yang lebih cenderung kepada amalan adat resam dalam urusan nikah kahwin boleh diubah jika pihak kerajaan menunjukkan kesungguhan yang berterusan dalam mempromosikan nikah *khitbah* itu," katanya.

RISIKO... Bertunang tidak menghalalkan duduk berdua-duaan. - Gambar hiasan